



Ucapan

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar
Menteri Pembangunan
Brunei Darussalam

**MAJLIS PENYAMPAIAN
SURAT LANTIKAN SUPERVISING CIVIL ENGINEER (SCE)
DAN DELEGATED ENGINEER (DE) BAGI
MOD/ICE TRAINING SCHEME**

Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh:
Khamis, 23 Zulhijjah 1441H / 13 Ogos 2020M

Bertempat:
Dewan Betabur,
Kementerian Pembangunan

Jam:
2.30petang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى الْمَوْلَى وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia,
Ir. Hj Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia
Hj Zakaria, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional),
Kementerian Pembangunan selaku Penggerusi Majlis.

Yang Mulia,
Awg Haji Arefin bin Haji Jaya
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan

Yang Mulia,
Ir. Awg Haji Md. Zin bin Haji Salleh
President of PUJA (Brunei)

Yang Mulia,
Ir. Awang Bahrin bin Haji Mohammad,
Wakil Institution of Civil Engineers UK di Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia,
Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Divisyen, Pegawai-pegawai Kanan
serta hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat Petang Dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan dengan limpah dan rahmatNya juga telah mengizinkan kita semua bersama dan berhimpun di Majlis Penyampaian Surat Lantikan Supervising Civil Engineer (SCE) Dan Delegated Engineer (DE) bagi MOD/ICE Training Scheme pada petang ini.
2. Terlebih dahulu, peramba/saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pegawai-pegawai dan Jurutera-jurutera yang telah dilantik sebagai Supervising Civil Engineers (SCE) dan Delegated Engineers (DE) dibawah Skim Latihan Perkembangan Profesional Kejuruteraan Awam Kementerian Pembangunan bersama dengan Institution of Civil Engineers, United Kingdom, yang kita ra'ikan dimajlis pada petang ini. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YM Jurutera Puan Alice Lim Sui Kaw, mantan Supervising Civil Engineer, Kementerian Pembangunan, yang telah banyak menyumbangkan jasa dan tenaga dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang SCE dengan penuh profesional dan dedikasi sejak dari 2011 lagi.
3. Skim Latihan Perkembangan Profesional Kementerian Pembangunan dengan kerjasama dari Institution of Civil Engineers, United Kingdom, yang telah berjalan dan dilaksanakan sejak beberapa tahun ini, adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada jurutera-jurutera untuk memperolehi kelayakan professional yang diiktiraf dan bertaraf

antarabangsa. Ianya membuka peluang kepada kalangan jurutera-jurutera khususnya dibidang Kejuruteraan Awam untuk memperkembang dan meningkatkan kemahiran teknikal mereka serta pendekatan profesional yang diperlukan bagi menjalankan tugas sebagai seorang Jurutera Profesional yang berkelayakan ataupun 'qualified professional engineer'. Pengiktirafan 'training scheme' dari Institution of Civil Engineers UK ini telah bermula sejak tahun 1990-an di Jabatan Kerja Raya yang kemudiannya telah di 'upgrade' keperingkat Kementerian Pembangunan dan Alhamdulillah sehingga hari ini dapat mengekalkan pengiktirafannya sebagai sebuah institusi yang diberi kebenaran bagi menjalankan 'training scheme' dari ICE UK. Ini menunjukkan bahawa kualiti dan standard latihan yang dijalankan oleh Kementerian ini adalah setanding dengan negara-negara lain yang juga mendapat pengiktirafan yang sama.

4. Supervising Civil Engineers dan Delegated Engineers yang telah dilantik di Kementerian ini sangat memainkan peranan yang penting dalam menjalankan dan menjayakan skim ini. Supervising Civil Engineers bertanggungjawab untuk mengawal, menyelaras dan merancang perkembangan awal peserta-perserta skim latihan serta memastikan mereka menerima pemahaman, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan dan mencapai tahap yang dikehendaki mengikut garispandu yang telah ditetapkan oleh Institution of Civil Engineers (ICE), UK. Manakala, peranan Delegated Engineers adalah untuk membantu Supervising Civil Engineers dalam latihan dan mentorship secara harian sepertimana yang diperlukan didalam Skim latihan ini. Oleh itu, dengan bimbingan Supervising Civil Engineer dan Delegated Engineer, peserta-peserta yang mengikuti skim ini diharap akan dapat menafa'tkan tempoh latihan mereka dengan sebaiknya.

5. Saya di fahamkan dengan lantikan Supervising Civil Engineers dan Delegated Engineers ini, Kementerian ini akan menjana lagi inisiatif 'Professional Development Program' bagi pegawai-pegawai teknikal yang mana bertujuan untuk mempertingkatkan tahap ilmu pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai tersebut ke tahap professional antarabangsa. Disamping itu juga, khotot ke 3 bagi Further Learning Program (FLP) Kementerian Pembangunan yang di kendalikan bersama dengan Universiti Teknologi Brunei (UTB) akan di mulakan dalam masa terdekat ini. Inisiatif-inisiatif ini merupakan salah satu 'performance indicator' yang termaktub didalam buku Strategic Plan 2018-2023 Kementerian ini yang menjurus kepada Wawasan Negara 2035; iaitu mempunyai Rakyat yang *berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya*.
6. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini untuk memastikan pegawai-pegawai teknikal yang terlibat langsung dalam industri pembinaan, mempunyai tahap kemahiran yang tinggi, pengetahuan yang mendalam dan berkelulusan professional yang diiktiraf kerana tugas dan tanggungjawab mereka secara langsung melibatkan kesejahteraan dan keselamatan orang awam seperti memastikan rekabentuk bangunan-bangunan dan prasarana yang disediakan untuk kegunaan orang awam, sentiasa didalam keadaan selamat, persekitaran yang sehat, selesa dan kondusif, bebas dari pencemaran dan alam sekitar yang sentiasa terjaga.
7. *Lifelong learning* adalah sangat disarankan dan digalakan bagi seorang Jurutera yang bertauliah. Mereka perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran, mendapatkan informasi teknologi terkini dan

pengetahuan mengenai amalan terbaik dalam pembangunan mampan serta mampu mengadaptasikan pengetahuan yang diperolehi kepada pembangunan tersebut dalam pekerjaan mereka sehari-hari. Di samping itu, seorang profesional perlu sentiasa komited dan terus meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman mengikut perkembangan semasa dan pada masa yang sama menghulurkan bantuan kepada profesional lain dari segi pendidikan, latihan dan perkembangan profesional.

8. Pada masa ini, pembangunan yang mampan atau *sustainable development* adalah agenda utama yang memang telah diambil kira dalam industri pembinaan di negara ini. Ianya merangkumi pembangunan infrastruktur yang berdaya tahan, memupuk inovasi serta mempromosikan industri yang inklusif dan mampan. Oleh itu, adalah sangat penting bagi jurutera-jurutera yang terlibat didalam industri pembinaan untuk meningkatkan pemahaman mengenai pembangunan mampan, dengan penggunaan teknologi terkini dan inovasi yang dapat mengurangkan kos pembinaan dan meningkatkan ‘productivity’ serta memanjangkan kitaran hidup atau *life cycle* pembangunan dan infrastruktur.
9. Baru-baru ini, Negara kita telah melancarkan Brunei Darussalam National Climate Change Policy Document, iaitu satu dasar bagi negara kita dalam menghadapi perubahan iklim yang menjadi isu global yang perlu ditangani bersama melalui Whole of Nation Approach. Ianya memerlukan penglibatan setiap peringkat di negara ini, dan Kementerian ini mempunyai peranan yang sangat penting dalam merancang ‘adaptation measures’ serta menyediakan prasarana untuk menangani impak negatif akibat perubahan iklim. Dalam hal ini, ahli profesional yang berpengetahuan dan

berkemahiran adalah sangat-sangat di perlukan untuk menjalankan kajian-kajian yang mendalam, perancangan yang rapi dan pembangunan yang berkesan bagi memastikan negara ini bersedia menghadapi kesan-kesan negative tersebut dalam pembangunan.

10. Marilah kita sama-sama berdoa dan berusaha dengan lebih gigih dan bersunguh-sunguh dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negara disegi profesionalisma dan sama-sama menjalankan tanggung-jawap dan amanah yang diberikan kepada kita sebagai seorang professional demi menjaga imej, keselamatan dan kesejahteraan orang ramai khususnya penduduk di Negara Brunei Darussalam ini.
11. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih ke atas kehadiran jemputan-jemputan khas, ketua-ketua jabatan serta ketua-ketua divisyen/unit dan kepada para penerima surat lantikan, saya ucapkan semoga apa yang diperolehi akan dapat memberi manfaat dan dapat meningkatkan semangat yang gigih untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawap masing-masing.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.